

UCAPAN YA6 PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI UPACARA
MENEPOG TAWAR KAPAL TLDM,
K D SRI INDERA SAKTI, DI PELABUHAN
KELANG, PADA HARI ISNIN, 29HB.
DISEMBER, 1980, JAM 10.00 PAGI.

1. Yang Berhormat,

-Timbalan Menteri, Pertahanan

2. Ketua Turus Angkatan Tentera Darat

3. Ketua Turus Tentera Laut

4. Ketua Turus Tentera Udara

5. Kapten Mohamed Khalid,

Pegawai-pegawai dan Anak-anak Kapal KD SRI
INDERA SAKTI,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

2.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmatNYA.dapat kita bersama-sama berkumpul di majlis ini.

Seterusnya,saya mengucapkan selamat kembali ke tanahair, kepada pegawai-pegawai dan anak-anak kapal di Raja Sri Indera Sakti ini, setelah berada di seberang laut untuk beberapa waktu.

2. Peranan dan tanggungjawab Tentera Laut di Raja Malaysia,adalah berat lagi penting. Selain dari tugas utamanya, iaitu menjaga perairan dan keselamatan negara, TLDM juga mempunyai peranan membantu nelayan-nelayan dan lain-lain pihak, khususnya

... 3/-

3.

apabila mereka memerlukan bantuan atau pertolongan.

3. Tugas-tugas TLDM ini, sudah tentu akan bertambah dalam tahun-tahun yang akan datang. Tugas yang lebih ini juga membawa beberapa cabaran baru, tetapi saya percaya TLDM, sepertimana yang telah dibuktikan olehnya pada masa-masa yang lalu, akan dapat menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran ini dengan jayanya.

...4/-

Tuan-tuan dan puan-puan.

4. Kerajaan sekarang ini sedang berusaha, untuk memperluas serta mempermodenkan lagi Angkatan Bersenjatanya, seimbang dengan kemampuan negara. Walau pun perhatian yang berat ditumpukan kepada usaha-usaha pembangunan negara, namun demikian, keselamatan negara, juga diberi perhatian yang sewajarnya. Tanpa keselamatan, usaha-usaha pembangunan kita akan terjejas. Pembelian kapal

Sri

K D/Indera Sakti ini, membuktikan hasrat Kerajaan, untuk melengkapkan angkatan bersenjata kita

... 5/-

5.

dengan peralatan dan kemudahan, bagi memenuhi keperluan pertahanan negara dengan berkesan.

5. Sepertimana kita semua maklum, hasrat ASEAN untuk menjadikan Rantau Asia Tenggara sebagai satu kawasan aman, bebas dan berkecuali, merupakan satu matlamat yang penting. Usaha-usaha telah dijalankan untuk membawa kenyataan kepada konsep ini, tetapi kita masih menghadapi beberapa rintangan. Walau apa pun rintangannya, kita tidak akan berhenti untuk berusaha ke arah mencapai matlamat ini. Dengan keamanan dan kesetabilan sahajalah, negara-negara di rantau ini akan dapat membangun dengan lebih pesat lagi.

... 6/-

6.

Pada masa ini, perkembangan di rantau ini menjadi satu perkara yang mendatangkan kebimbangan kepada kita. Oleh itu, disamping kita berusaha untuk mewujudkan keamanan, kita hendaklah juga menentukan, bahawa keselamatan negara sentiasa terjamin.

Tuan-tuan dan puan-puan.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada TLDM di atas kemajuannya setakat ini. Saya menyeru semua pegawai dan anggota TLDM supaya terus tekun dan berusaha untuk meningkatkan lagi

...7/-

7.

khidmat baik mereka, demi kepentingan dan keselamatan negara. Khidmat dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh setiap anggota TLDM adalah dihargai oleh rakyat keseluruhannya.

8. Akhir kata, kepada KD Sri Indera Sakti serta pegawai-pegawai dan anak-anak kapalnya, saya berdoa ke hadrat Allah, semoga diberi perlindungan dan selamat menjalankan tugas.



No Siri 509
No Penerimaan 113/81